

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M**  
**PARAMESWARAN**  
**[ BATU ]**  
**TARIKH : 16 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 46**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap penggunaan kereta skrap daripada Singapura dan bagaimana cara untuk mengatasinya. Adakah Kementerian telah mempunyai garis panduan untuk penguatkuasaan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan sememangnya memandang serius akan isu kenderaan klon ini dan tindakan telah diambil sejak tahun 2014 lagi oleh Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan yang giat menjalankan operasi tangkapan dan menghapuskan kegiatan penggunaan kenderaan klon ini. Kegiatan membawa masuk kereta klon ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi dalam negara kita dan kenderaan ini dibawa masuk tanpa membayar cukai kastam dan dijual dengan harga yang murah.
2. Kenderaan klon di kategori sebagai kenderaan motor yang pemilikannya adalah secara tidak sah dari sisi undang-undang. Modus operandi kereta klon termasuklah kereta yang diseludupi dari negara jiran dan menggunakan nombor pendaftaran palsu yang dikendalikan oleh sindiket tertentu.
3. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan ialah melalui mempergiatkan operasi secara harian atau rutin terhadap kegiatan sindiket penggunaan kereta klon ini oleh JPJ Negeri dan Cawangan. Melalui operasi-operasi ini, bilangan tangkapan atau penyitaan kereta klon pada tahun 2014 adalah sebanyak 122 kenderaan, tahun 2015 sebanyak 520 kenderaan, tahun 2016 sebanyak 1906 kenderaan, tahun 2017 sebanyak 558 kenderaan, tahun 2018 sebanyak 206 kenderaan dan sehingga April 2019 sebanyak 58 kenderaan. Jumlah keseluruhan kereta klon yang telah ditahan atau disita ialah sebanyak 3370 buah.
4. Di bawah peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, JPJ diberi kuasa di bawah subseksyen 64(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah lucut hak terhadap kereta klon dan sehingga

## **NO. SOALAN: 46**

bulan April 2019, JPJ telah berjaya mendapatkan perintah lucut hak daripada Mahkamah terhadap kereta klon sebanyak 1511 buah.

5. Bagi membanteras perkara ini, Kementerian Pengangkutan akan menguatkuasakan suatu kawalan kemasukan kenderaan pendaftaran asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem Vehicle Entry Permit (VEP) mulai 1 Oktober 2019 di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai penghujung tahun ini.
6. Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara. Selain itu, ianya juga akan dapat mengesan kenderaan-kenderaan yang memasuki Malaysia melebihi had masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat membantu untuk membanteras kegiatan kereta klon.

Sekian, terima kasih.